

TAKHTA KERAJAAN

Negeri Sembilan



||
oleh:

Abdul Samad Idris

TAKHTA KERAJAAN NEGRI SEMBILAN.



**DI-KARANG, DI-SUSUN
DAN
DI-TERBITKAN**



OLEH:

**ABDUL SAMAD IDRIS,
(HAK PENGARANG TERPELIHARA)**

A handwritten signature or inscription is written over a horizontal line.

DAFTAR ISI-NYA.

	Muka.
1. Asal nama Seri Menanti	... 5.
2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja	... 11.
3. Kematian Dato' Penghulu Naam	... 15.
4. Asal Orang Empat Istana	... 18.
5. Asal Nama Negeri Sembilan	... 25.
6. Ganti Raja Melewar	... 28.
7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris	... 32.
8. Inggeris mula menchekam	... 40
9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris	... 46.
10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.	... 55.
11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah	... 65.
12. Kemangkatan Tuanku Muhammad	... 68.
13. Riwayat lengkas almarhum Tuanku A. Rahman	... 76.
14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir	... 81.
15. Pergaduhan ketika melantek Tengku Imam Janggot	86.
16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.	... 90.
17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.	... 104.
18. Istiadat Penghulu mengadap.	... 109.
19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat	... 119.
20. His Hinghness Tuanku Menawir	... 121.
21. Hak Raja dan pantang larang-nya	... 125.



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D. Y. M. M. Tuanku Munawir, D. M. N., S. P. M. B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsa-na Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerintah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kepada rakyat dan negara.


Achapan Pertabalan Duli Y.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



GUTHRIE & COMPANY

LIMITED,



SEREMBAN, N. S.

SEKAPOR SIREH.

Alhamdulil-lah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kechil ini untuk di-persembahkan kapangkuhan saudara2 terutama dan istimewa kepada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sunggoh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di-atas-nya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandong di-dalamnya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kapada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembilan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sunggoh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untuk saya menyusunkan buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untuk mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangau meminta maaf di atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan juga.

Seri Menanti,
Negeri Sembilan,
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.
Abdul Samad Idris.



Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.
Gambar 1959.

KEMANGKATAN TUANKU MUHAMMAD.

Yang Berbahgia Dato' Bentara Dalam Idris bin Bador yang menjadi jurutulis kapada duli Yang Maha Mulia selain dari memegang jawatan Dato' Bentara Dalam telah menulis dan menyusun satu chatetan yang besar arti-nya kapada ingatan dan kenangan2 di atas kemaṅkatan Almarhum Tuanku Muhammad Shah pada jam 2.45 petang 1 haribulan August 1933.

Dato' Bentara Dalam telah meninggal dunia pada bulan December 1950, dalam chatetan-nya itu ia berchadang hendak menjadikan sabuah buku peringatan yang akan di-chetak, tetapi chita-nya2 itu entah bagaimana telah tidak berhasil. Senyampang saya menyusun buku ini dan juga selari dengan tujuan-nya, maka saya dengan besar hati menurunkan dengan sepenuh-nya tulisan Dato' Bentara Dalam itu dengan tidak menambah atau memotong sebarang perkataan yang terkandong di-dalam-nya:-

Kapada 28 haribulan July 1933 jam 4.30 petang dewasa ini lah perjumpaan duli Yang Maha Mulia yang akhir sekali dengan Yang Terutama Tuan High Commissioner Sir Cecil Clementy di-Istana Besar Seri Menanti, maka oleh kerana menghormatkan lawatan Tuan Yang Terutama itu telah di-adakan majlis jamuan tea di-anjong istana di-tingkat yang kedua, yang hadzir di-dalam majlis jamuan itu selain dari duli Yang Maha Mulia dan Yang Terutama Tuan High Commissioner ia-lah Yang Teramat Mulia Tengku Besar, Yang Berhormat Tuan G. E. London pemangku British Resident Negeri Sembilan, Yang Amat Mulia Tengku Nasir, Yang Mulia Tengku Zakaria dan sa-orang A. D. C. dan sa-orang Setia Usaha Sulit kapada Tuan Yang Terutama itu.

Maka di-dalam masa mengadap majlis jamuan itu duli Yang Maha Mulia tiada-lah berkeputusan chakapan dengan Tuan Yang Terutama di-dalam tiap2 perbualan itu Yang Berhormat Tuan British Resident menjadi jurubahasa-nya, sunggoh pun duli Yang Maha Mulia boleh sedikit2 berchakap bahasa Inggeris tetapi ia takut agak-nya kalau2 perchakapannya itu tidak berapa betul. Maka jarum jam telah menunjok

ka-angka pukul 5.30 majlis itu pun bersurai, Tuan Yang Terutama serta pengiring-nya2 berangkat balek, duli Yang Maha Mulia telah menghantar hingga ka-anjong Istana, maka pada masa turun itu duli Yang Maha Mulia, Tuan Yang Terutama dan Yang Berhormat Tuan British Resident telah bersaing turun melangkah tangga dari semata ka-samata, berbetulan sampai sa-penengahan tangga itu Tuan Yang Terutama telah tergelinchir kaki-nya dan hampir akan jatuh, maka yang melihat pada masa itu semua-nya telah terperanjat dan menggele-tar melihat akan bahaya itu, akan tetapi duli Yang Maha Mulia dengan pantas-nya telah memegang tangan Tuan Yang Terutama, kechemasan itu tidak-lah jadi merbahaya (begitu-lah kechergasan dan kepantasan duli Yang Maha Mulia, siapa boleh menyangka yang usia-nya tinggal selama 4 hari sahaja lagi).

Dari hal kegeringan dan kemangkatan almarhum Tuanku Muhammad Shah dari malam 29 July hingga 1 August, 1933.

Maka pada malam 29 haribulan July 1933 jam lebeh kurang pukul 1 malam, duli Yang Maha Mulia telah mulai gering, perut-nya telah berasa sesak tidak boleh buang ayer dan terkadang2 telah berasa terbuku kerana angin telah turun naik, bagitu jua duli Yang Maha Mulia telah bertitah memanggil dukun Melayu dan Doctor dari Kuala Pilah, maka pada malam itu rioh-lah di-dalam istana oleh kegeringan itu, tidak berapa lama dukun dan doctor pun sampai, tetapi berapa di-ubat pun kegeringan itu tidak jua mau sembah semakin di-ubat semakin bertambah sakit-nya dan berapa kali pula di-pump oleh doctor tiada jua memberi bekas sa-hingga sampai-lah siang doctor bertunggu pada malam itu.

Maka pada pagi 30 haribulan Tuan Doctor Kuala Pilah telah memberi khabar kapada Tuan Doctor besar Seremban di atas kegeringan duli Yang Maha Mulia itu, maka tidak berapa jam Tuan doctor besar pun sampai serta lalu di-pereksa-nya, maka di-dalam penglihatan-nya kegeringan duli Yang Maha Mulia itu sangat berat dan ia berhajat hendak membawa ka-Seremban, akan tetapi pada hari itu tiada-lah jadi di-sebabkan kaum kerabat sakelian bertahan meminta ubatkan di-dalam istana. Dari hal kegeringan itu tiada jua bertambah kurang

semakin di-ubat semakin jua bertambah berat-nya dan doctor yang menjaga pun tidak berapa harap jika penyakit itu tiada di-belah. Maka pada malam 30 haribulan itu jam pukul 1 malam tuan doctor besar berdua dengan State Sergion telah datang mereksa lagi sekali, maka kata Tuan Doctor Besar esok pagi 31 haribulan akan di-bawa jua ka-Seremban. Maka pada hari esok-nya 31.7.33 segala kaum kerabat dan orang besar2 dan Tuan Doctor besar pun berhimpun-lah di-dalam istana, berbetulan jam 9.30 pagi duli Yang Maha Mulia pun berangkat dari istana di-atas kenaikan motor car kerajaan (motor car pejabat hospital) dengan di-irnigi oleh beberapa buah motor car berisi di-dalam-nya dari pada kaum kerabat dan Dato'2, maka dalam kenaikan duli Yang Maha Mulia yang bersama2 ia-lah Yang Amat Mulia Enche' Rahah (isteri Y.M.M.) Tengku Zakaria, Tengku Muhammad Shariff, Tuan Doctor besar, Tuan Kadzi Sulaiman dan Dato' Bentara Dalam Idris, lebeh kurang 12 tengah hari motor car kenaikan duli Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-istana hinggap Seremban, duli Yang Maha Mulia singgah bersemayam sabentar dan pukul 4 lebeh kurang dengan permintaan doctor besar di-bawa duli Yang Maha Mulia ka-Airopin hospital, maka di-sana-lah duli Yang Maha Mulia bersemayam semalam2 itu dalam keadaan gering yang sangat kuat maka dengan bermacham-lah2 jenis ubatan2 di-chuba oleh doctor tiada jua memberi bekas, pada malam itu tuan doctor Wilson doctor besar negeri2 Melayu Persekutuan dari Kuala Lumpur pun sampai maka berdua-lah ia dengan doctor besar Seremban mengubtai-nya maka keputusan nbatan2 kedua tuan doctor itu tiada lain daripada di-belah, jika di-belah harus-lah akan boleh semboh, akan tetapi sunggoh pun bagitu ia tiada berani mengaku yang belahan-nya itu tidak boleh menjadi merbahaya. Maka perkara hendak belah membelah itu telah di-adakan juga mashuarat di-antara kerabat2 termasok Tuan Yang Berhormat British Resident dan Dato' Kelana Putera Sungai Ujong, maka keputusan-nya di-sembah maalomkan kapada duli Yang Maha Mulia, maka ka-bawah duli Yang Maha oleh kerana doctor doctor itu tidak berapa chukup kut enggan-lah ia sadikit, akan tetapi rundingan hendak membelah itu tiada jua di-rentikan sa-hingga Yang Berhormat Tuan British Resident telah meminta pula dengan jalan Yang Amat Berhormat Tuan Chief Secretary




Y.M.M. membuka dengan resmi Pejabat Talikom yang baharu di-K. Pilah 1958.



Bergambar dengan Tuanku Ampuan 1959.




Dalam istiadat melantek isteri Baginda menjadi Tuanku Ampuan Muda di-Istana Besar Seri Menanti pada 6.10.1957.



Bergambar di-England tahun 1947.
Di-kiri Y.A. Mulia T. Abdullah
adinda Baginda.



**Gambar ketika Jenazah Almarhum Tuanku Muhammad Shah
di-bawa ka-makam di-Raja dari Istana pada 3.8.1933.**



Istana Besar Seri Menanti di-pindahkan pada tahun 1930.

supaya menyampaikan ka-pengetahuan Yang Terutama Tuan High Commissioner di-Singapura dan Tuan Yang Terutama itu telah memberitau kapada Tuan Doctor C. J. Smith sa-orang daripada doctor yang terbilang pandai pada tentang potong memotong dan belah membelah, maka pada masa dalam perundingan itu berbetulan jam baharu pukul 8 malam, maka dapat-lah Tuan doctor Smith bertolak dari Singapura dengan jalan kereta api pada malam itu dan sampai ka-Station Seremban jam 5.30 pagi pada 1 haribulan August 1933.

Maka pada masa sampai-nya itu Yang Berhormat Tuan British Resident telah sedia menanti dengan tiada lengah lagi lansong di-bawa mengadap duli Yang Maha Mulia di-hospital. Sunggoh pun kegeringan duli Yang Maha Mulia itu samakin lama samakin kuat, akan tetapi pertuturan-nya tiada-lah sedikit pun berubah dengan senang ia boleh bertitah kapada sa-siapa yang datang melawat-nya.

Tuan doctor Smith bersama2 dengan Yang Berhormat Tuan British Resident lepas daripada mengadap duli yang Maha Mulia di-persilakan-nya Yang Teramat Mulia Tengku Besar, Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman putera Yang Maha Mulia (kemudian bergelar Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan) Yang Amat Mulia Tengku Nasir putera Yang Maha Mulia Yang Amat Mulia Tengku Penglima Besar adinda Yang Maha Mulia Yang Mulia Tengku Zakaria Setia Usaha Sulit ka-bawah duli Yang Maha Mulia dan Tengku Husain kerana hendak berunding berkenaan hendak menjalankan perbelahan itu, Maka di-dalam perundingan itu bermacham-lah ikhtiar dan fikiran yang di-dapati, keputusan-nya di-sebah maalomkan jua ka-bawah duli Yang Maha Mulia mengikut persetujuan-nya, keputusan-nya ka-bawah duli Yang Maha Mulia sendiri tidak hendak berbelah melainkan titah-nya, ini jam juga mesti ia di-bawa balek ka-Istana Besar Seri Menanti.

Maka kegeringan itu sa-makin lama sa-makin kuat konon khabar-nya harapan segala doctor2 itu tiada lagi melainkan menanti masa sahaja lagi dan sa-tengah daripada chakap2 sulit doctor itu usia duli Yang Maha Mulia tidak sampai tiga jam

lagi, maka oleh kerana titah duli Yang Maha Mulia hendak-lah di-segerakan di-bawa ia balek ka-Seri Menanti itu maka tiada-lah di-lengahkan lagi, lebeh kurang pukul 9 pagi duli Yang Maha Mulia pun berangkat-lah dari hospital Seremban ka-Istana Besar Seri Menanti dengan di-iringi oleh kerabat2 sakelian-nya dan sampai ka-istana jam 12 tengahari, maka hamba ra'ayat negeri pun telah menchurah masuk ka-dalam kota istana kerana mendengar duli Yang Maha Mulia telah berangkat balek dari hospital dan gering-nya semakin bertambah2 kuat dan segala kerabat2 tiada-lah berjauh lagi. Maka duli Yang Maha Mulia sunggoh pun gering-nya itu telah bertambah2 dan angin yang menyesak dalam perut-nya itu telah menumpu ka-dada dan nafas pun telah sesak turun naik, sunggoh pun hal keadaan-nya bagitu akan tetapi tiada-lah khali duli Yang Maha Mulia bertitah menegor sapa kapada mereka yang datang melawat-nya dengan muka yang jernih dan kadang2 bermacham2 jenaka di-keluar kan-nya, akan tetapi nafas-nya semakin lama semakin kenchang, maka lebeh sa-tengah jam daripada ia bendak mangkat itu telah bertitah meminta chermin mata-nya kapada budak yang menjaga-nya, apakala chermin itu telah di-pakai-nya maka ia pun memandang-lah kapada jari2 tangan-nya dan melihat rata2 kapada yang hampir dengan-nya.

Maka pada masa itu Yang Amat Mulia Enche' Rahah isteri yang di-kasehi-nya hampir bertunggu dan memperhatikan keadaan duli Yang Maha Mulia di-dalam keadaan resah lalu di-ambil-nya chermin itu dan segala yang bertunggu pun berdukachita-lah memandang kerana telah tiada harapan lagi dan masing2 pun menangis, pada ketika itu Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman (Yang di-Pertuan Besar sekarang) (telah mangkat pada 1.4.1960 - penyusun) Yang Amat Mulia T. Nasir, Yang Mulia Enche' Zamiah dan Yang Teramat Mulia Tengku Besar dan sgeala kerabat2 pun hampir-lah dengan duli Yang Maha Mulia, pada masa itu sunggoh pun telah hampir akan mangkat tetapi segala peringatan-nya tiada sadikit pun lupa sa-hingga dapat-lah ia memanggil dan memelok putera-nya Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman dengan memberi bermacham2 nasihat, kemudian kapada Yang Amat Mulia Tengku Nasir dan lepas itu di-panggil-nya pula

Enche' Zamiah siapa puteri-nya yang sangat di-kasehi-nya serta duli Yang Maha Mulia melafadzkan beberapa nasehat dan mencheritakan di atas ka-elokkan dan kemuliaan Ugama Islam serta mengeluarkan beberapa hadith dan dalil dengan fasihnya, lepas daripada duli Yang Maha Mulia memelok dan menchium puteri-nya Enche' Zamiah yang di-kasehi-nya persilakan orang pula putera-nya yang bongsu sekali bernama Tengku Muhammad Alam Shah yang genap berumur satu tahun betul pada hari mangkat Almarhum itu serta bonda-nya Enche' Puan Besar Halimah, maka di-antara perjumpaan (bonda dan anakanda-nya) usia umur duli Yang Maha Mulia nampaknya telah hampir benar hendak mangkat, maka berbetulan jam 2.45 kepada 1 haribulan August 1933 dewasa itu-lah Yang Maha Mulia menghembuskan nafas-nya yang akhir (kalu innalillahi wa-innailahi raijin), maka ratap dan tangis pun riong-lah di-dalam istana adzmat bunyi-nya. Maka Orang Besar yang hadzir pada tatkala mengadapi kemangkatan almarhum itu selain dari kerabat2 ia-lah Yang Amat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Abdullah Undang Luak Jelebu.

*(Sambongan-nya di-muka 93.
Peraturan adat dalam Istana).*

SALAH CHETAK.

MUKA	BARIS	SALAH	BETOL
SURAT			
1	19	di-tuliskan orang2, ra'rat	di-tuliskan oleh orang2, ra'ayat
5	2	Menananti	Menanti
5	27	selaiān	selain
5	28	melaui	melalui
7	15	kterangan	keterangan
9	5	menyemnda-lah	menyemenda-lah
9	6	sukā	suku
11	35	mangodap	mengadap
12	20	menguruniakan	mengurniakan
16	29	Dtao'	Dato'
17	9	hama	nama
19	29	duli Maha Mulie	Duli Yang Maha Mulia
19	35	benar-nya belaka-kah	benar-nya saudara belaka-kah
20	10	thu	tahu
20	14	• kemudaiān	kamudian
20	15	sebilan	sembilan
21	28	kapeda Orong	kapada Orang
21	31	iateri	isteri
25	21	dalamā	dalam
26	16	sebab	Sebab
26	34	Naing	Naning
29	12	puetra	putra
31	8	berumpr	berumor
32	salasilah	T. Ulin	T. Alin
32	27	mennati	menanti
34	9	Mennati	Menanti
36	17	Ibn	Ibni
44	16	kerjaan	kerajaan
44	22	Mohhamad	Muhammad
46	18	tabdir	tadbir
46	22	Superntendent	Superintendent
51	6	beleh	boleh
51	13	gaku---yang	tinggalkan sahaja
57	8	Johal	Johol
57	22	berialan-lah	berjalan-lah
65	1	Muhammad	Muhammad
65	12	bersamman	bersamaan
65	23	Muahammad	Muhammad
70	27	mengubtai-nya	mengubati-nya
70	27	nbaian2	ubatan2
70	35	Yang Maha oleh	Yang Maha Mulia oleh
70	36	kut	kuat
76	17	heribulan	haribulan
81	10	bergelombng	bergelombang
82	18	mengitiharakan	mengistiharkan

**MUKA BARIS
SURAT**

SALAH**BETOL**

84	1	menadang	memandang
85	20	pemeangku	pemangku
85	26	Bagitu	Baginda
85	29	di-ishtiharakan	di-ishtiharkan
86	24	pda	pada
91	27	menurukan	menurunkan
91	27	Dtao'	Dato'
100	31	linggi	Linggi
103	19	Undang yang pada	Undang yang Empat pada
109	29	Yang Mulia	Yang Maha Mulia
110	19	Pahawan	Pahlawan
115	3	msutahak	mustahak
115	24	seceretary	secritary
116	26	perturan	peratoran
116	26	istiada	istiadat
120	1	mehanti	menanti
122	24	Undong	Undang